

13 DEC 1998

MCA - Pokok

WANITA MCA LANCAR KEMPEN TANAM POKOK

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Pergerakan Wanita MCA akan melancarkan kempen menanam pokok ke seluruh negara bagi menyahut hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara dalam taman.

Ketuanya Datuk Teng Gaik Kwan berkata wanita mempunyai peranan penting menjayakan kempen menanam pokok itu yang sesetakat ini belum mencapai sasaran yang ditetapkan.

"Oleh itu adalah amat penting golongan beliawanis dan wanita menyumbang tenaga bagi menjayakan kempen itu", katanya kepada pemberita selepas mewakili Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh merasmikan kempen Malaysia Negara Taman di sini, hari ini.

Kempen anjuran MCA Wilayah Persekutuan itu akan diperluaskan ke Lukut, Negeri Sembilan minggu depan dan di kawasan lain di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Teng berkata jika kesemua 280,000 anggota wanita parti itu menyertai kempen dengan setiap seorang menanam seponon pokok, sasaran kerajaan akan tercapai.

Sementara itu Ting Chew Peh dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Teng berkata matlamat kerajaan untuk menanam tiga juta pokok pada tahun 2000 boleh tercapai jika 15 peratus rakyat negara ini turut serta menjayakannya.

Sehubungan itu rakyat diminta menjayakan kempen menanam pokok yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed tahun lepas yang menetapkan sasaran menanam 200 juta pokok di seluruh negara pada 2020, katanya.

Mengenai kempen menanam pokok di Kuala Lumpur, Ting berkata sasaran menanam 65,000 pokok tahun ini belum mencapai sasarannya.

Berdasarkan laporan setiap tiga bulan yang perlu diserahkan kepada kementerian, kempen menanam pokok di seluruh bandaraya ini masih kurang mendapat sambutan daripada pelbagai pihak, katanya.

Ting berkata kerajaan menetapkan sasaran menanam 220,000 pokok di ibu kota itu pada tahun 2000.

-- BERNAMA

RZS LAT